



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN
KETUA PENGARAH MAMPU**

**MAJLIS EXIT CONFERENCE
PROJEK RESKILL, REDEPLOY AND
REPLACEMENT (3R)**

**DEWAN SERBAGUNA ARAS 3,
BLOK B1,
KOMPLEKS JPM PUTRAJAYA**

20 JANUARI 2016 (RABU)

Assalamualaikum Warrahmatullahi
Wabarakatuh,

Salam Kegemilangan,
Salam “1Malaysia, Rakyat
Didahulukan, Pencapaian
Diutamakan”,
Salam Sehati Sejiwa.

Yang Dihormati Saudara/saudari
Pengacara Majlis

Yang Berusaha Dr. Aizi Razman bin
Ismail
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor
TPP)

Yang Berusaha Dr. Suhazimah Dzazali
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor ICT)

Ketua-Ketua Perunding ICT Sektor
Awam

Pengarah-Pengarah Bahagian

Perunding-Perunding ICT Sektor
Awam

Wakil daripada syarikat ATD Solution
Sdn Bhd sebagai pelaksana Program
3R

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, marilah kita sama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya juga dapat kita bersama-sama berhimpun pada pagi ini sempena Majlis Exit Conference Projek Reskill, Redeploy And Replacement (3R).

2. Projek 3R ini merupakan salah satu inisiatif yang telah dikenal pasti dibawah dua (2) NKEA yang diterajui oleh

MAMPU iaitu NKEA *Business Services EPP2-1 Government Shared Services* dan NKEA CCI EPP E-Kerajaan di bawah peruntukan program Penandaaranan dan Program Pensijilan atau Latihan Teknikal. Projek ini menawarkan kursus persijilan dan latihan dalam kesemua 8 bidang kepakaran ICT yang telah dikenal pasti.

3. Perkembangan ICT masa kini memberikan impak yang amat besar kepada dunia dalam apa juu aspek kehidupan dan aktiviti yang dijalankan. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi telah menjadi medium

yang memudahkan semua urusan sehari-hari kita sama ada dalam urusan peribadi mahu pun pekerjaan dan perniagaan.

4. Dalam persekitaran kerja yang mencabar dan cara kerja yang lebih kompetitif serta berubah dari *business as usual*, pegawai-pegawai di Sektor Awam perlu diperkuuhkan kapasiti dan keupayaan mereka untuk menghasilkan perkhidmatan berkualiti tinggi dan memenuhi ekspektasi pelanggan, pemegang taruh dan rakyat. Pengukuhan kapasiti dan keupayaan melibatkan usaha mendapatkan kemahiran, kompetensi,

teknik dan teknologi baharu yang relevan serta cara untuk menggunakan kesemua aspek itu bagi memperbaiki operasi perkhidmatan kerajaan.

5. Justeru, Program 3R dirancang dan diperkenalkan mulai tahun 2013 dengan tujuan melahirkan tenaga kerja teknikal yang mahir, profesional, kompeten dan mendapat pengiktirafan dalam pengurusan, pelaksanaan dan pengoperasian projek terutamanya projek ICT. Dengan menawarkan pelbagai jenis kursus pengurusan dan teknikal ICT, kompetensi baharu dapat dilatih dan kompetensi pegawai sedia

ada dapat ditingkatkan secara terurus, sistematik dan berstruktur.

Yang Berusaha Dr., Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

6. Program 3R bagi tahun 2015 adalah merupakan kali kedua dilaksanakan yang sebelum ini telah dijalankan pada tahun 2013. Bagi menjayakan program 3R tahun 2015, MAMPU sekali lagi bekerjasama dengan ATD Solution Sdn. Bhd. yang berperanan sebagai penyedia perkhidmatan dan membantu

menguruskan pelaksanaan latihan dan kursus persijilan. Terima kasih kepada pihak ATD Solution Sdn. Bhd. atas kerjasama dan komitmen yang telah diberikan. Pada tahun 2013 seramai 194 peserta telah mengikuti latihan dan kursus persijilan dan seramai 113 peserta telah lulus dalam bidang kemahiran masing-masing.

7. Saya difahamkan Program 3R tahun 2015 telah berlangsung bermula 1 September 2015 sehingga 11 Disember 2015 dengan sebanyak 8 latihan dan 20 kursus persijilan telah dijalankan. Seramai 133 orang peserta

dari 28 buah agensi sektor awam iaitu 85 pegawai MAMPU dan 48 pegawai agensi lain telah mengikuti latihan dan kursus bagi meningkatkan kompetensi dalam bidang masing-masing. Program 3R tahun 2015 juga merupakan buat pertama kali program ini melibatkan pegawai sektor Pembangunan Pengurusan dan Transformasi (PPT), MAMPU bagi kursus persijilan Pengurusan Perubahan. Ini adalah selaras dengan hasrat pergabungan kerjasama antara personel ICT dan bukan ICT dalam usaha untuk merealisasikan Agenda Transformasi Nasional. Susulan itu, lebih banyak

program dan kursus akan diatur agar dapat meningkatkan kompetensi dan kerjasama secara terancang antara personel ICT dan bukan ICT (personel bisnes).

8. Dalam tempoh 4 bulan yang lepas, seramai 48 orang pegawai Sektor Awam telah diperakui dan dipersijilkan (*certified*) dalam bidang kemahiran masing-masing bagi tempoh 3 tahun, dengan peratusan lulus sebanyak 58%. Peratus kegagalan agak tinggi dan Pasukan Projek telah membuat post mortem. Langkah penambahbaikan seperti

pemilihan peserta yang lebih ketat akan dibuat untuk program akan datang bagi memastikan peratusan lulus yang lebih tinggi. Saya difahamkan bahawa untuk program ini, terdapat peserta yang tidak hadir pada hari kursus dijalankan. Oleh kerana kos bagi kursus persijilan profesional adalah tinggi, peserta yang terlibat telah diberi surat tunjuk sebab dan agensi berkaitan dimaklumkan agar pelaburan di masa hadapan bagi kursus persijilan seperti ini diambil serius dan tidak merugikan Kerajaan.

9. Adalah diharapkan dengan pengiktirafan melalui persijilan antarabangsa ini dapat meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan keyakinan pegawai Sektor Awam, seterusnya berkeupayaan memberi perkhidmatan yang lebih berkualiti berasaskan piawaian dan amalan baik antarabangsa.

PENGHARGAAN DAN PENUTUP

Yang Berusaha Dr., Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

10. Saya bagi pihak MAMPU ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap komitmen dan kejayaan kesemua para peserta Program 3R Tahun 2015 secara khususnya dan juga kepada kesemua pegawai yang terlibat dalam pelaksanaan projek ini secara amnya. Semoga dengan adanya program seperti ini, dapat membantu anda semua untuk menggalas tanggungjawab dalam memastikan agenda transformasi sektor awam dilaksanakan dengan cemerlang.

11. Akhir kalam, dengan ini saya merasmikan Majlis Penutup Program 3R dan sekalung tahniah kepada kesemua graduan Program *Reskill, Redeploy And Replacement.*

Sekian.

Wabillahitaufik walhidayah wasalam
mualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Terima kasih.

Kursus persijilan dan latihan untuk 8 bidang ICT Sektor Awam

1. Perancangan Strategik ICT
2. Pengurusan Projek
3. Pengurusan Maklumat
4. Pengurusan Rangkaian
5. Pengurusan Keselamatan
Maklumat
6. Pengurusan Pusat Data
7. Pembangunan Sistem
8. Pangkalan Data